

IMPAK MATA PELAJARAN UMUM DARI KACA MATA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

(*The Impact of General Education From Student's Glasses at The International Islamic College (Kuis))*

Nor Azlina Endut, Rohaini Amin, Ayu Nor Azilah Mohamad, Hairol Anuar Mak Din

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang impak Mata Pelajaran Umum (MPU) yang dilihat dari kaca mata para pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). KUIS merupakan institusi pengajian tinggi swasta yang dibangunkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, KUIS juga patuh kepada badan Akreditasi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan menawarkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Mata Pelajaran Pengajian Umum kepada para pelajar. Metodologi kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan edaran borang soal selidik kepada para pelajar untuk melihat impak pelaksanaan MPU di KUIS. Dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar memberi maklumbalas yang baik kepada tenaga pengajar subjek Pengajian Malaysia 2, Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) iaitu MPU kelompok U1. Ini menjelaskan bahawa penawaran MPU berupaya memberi impak positif kepada para pelajar daripada aspek tamadun, hubungan pemajukan dan negara Malaysia.

Kata Kunci: Impak, Mata Pelajaran Umum, KUIS

ABSTRACT

This article discusses the impact of General Subjects (MPUs) seen from students' glasses at the Selangor International Islamic University College (KUIS). KUIS is a private higher learning institution developed by the Selangor Islamic Religious Council (MAIS). As an institution of higher learning, KUIS also complies with the Malaysian Qualifications Accreditation Body (MQA) by offering teaching and learning (PdP) General Studies to its students. We used methods of library research and distribution of questionnaires to students to see the impact of the MPU implementation at KUIS. The findings showed that students gave good feedback to the lectures of Malaysian Studies 2, Ethnic Relations and Islamic Civilization and the Asian Civilization (TITAS), a group subjects of MPU 1. This explains that MPU's offer can give positively impact students from the aspects of civilization, relationship between Malaysia and Malaysia.

Keywords: Impact, General Subjects, KUIS

PENGENALAN

Pengajian tinggi negara memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi yang rakyatnya berdaya saing serta berfikiran inovatif. Kerjasama semua pihak dalam

merealisasikan hasrat melahirkan warganegara yang tinggi patriotismenya, berdaya saing dan maju amat diperlukan. Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan tidak terkecuali kepada semua pelajar (Garis Panduan MPU Edisi Kedua, 2016).

Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyemak kembali kurikulum penawaran Mata Pelajaran Wajib (MPW) di semua IPT dalam negara. Oleh itu, Mata Pelajaran Pengajian Umum telah diperkenalkan dan berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan adalah bertujuan melakukan penambahbaikan struktur MPW, usaha yang lebih berstruktur ke arah mempertingkatkan kualiti modal insan sejarah dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di samping itu, melalui struktur MPU ini diharapkan mampu melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja.

Faktor-Faktor Perubahan Dari MPW Kepada MPU

Beberapa persoalan timbul berkenaan dengan Mata Pelajaran Wajib (MPW) yang telah lama diperkenalkan di IPT, iaitu;

- 1) Wacana di akhbar membicarakan tentang lunturnya semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT terutamanya Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- 2) Ketidadaan keseragaman pengajaran mata pelajaran kursus wajib antara Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah dikenal pasti sebagai sebab utama trend ini terjadi.
- 3) Pelajar-pelajar bukan warganegara juga telah meluahkan hasrat mereka untuk mempelajari pengalaman Malaysia membangun negara ini hingga menjadi harmoni, stabil dan maju.
- 4) Kurikulum MPW sedia ada telah digunakan semenjak tahun 1996. Maka sudah tiba masanya untuk diubah.

Berikut daripada itu, Kementerian telah menubuhkan pasukan penyelidik untuk menstrukturkan semula MPW dengan terma rujukan seperti berikut;

- 1) Mengenal pasti tingkah laku akademik dan kehidupan pelajar pelbagai etnik dan bukan warganegara di IPTS.
- 2) Status terkini kesesuaian mata pelajaran wajib yang sedang diajar di IPTS dari segi isi kandungan dan tempoh masa jam kredit.
- 3) Menentukan jenis-jenis mata pelajaran wajib yang sesuai untuk pelajar Malaysia di IPTS dan isi kandungan dan tempoh masa jam kredit.
- 4) Menentukan sama ada pelajar bukan warganegara di IPTS perlu mengambil mata pelajaran wajib dan jenis-jenis mata pelajaran wajib yang sesuai untuk mereka, isi kandungan serta tempoh masa jam kredit.
- 5) Mengenal pasti implikasi negatif ke atas kehadiran pelajar bukan warganegara ke IPTS jika mata pelajaran wajib diwajibkan ke atas mereka.
- 6) Kenal pasti kekangan yang dihadapi oleh IPTS dalam mengendalikan mata pelajaran wajib sekiranya mata pelajaran wajib sedia ada diubahsuai (www.mqa.gov.my).

Untuk itu, pasukan penyelidik telah menjalankan kajian berbentuk pemerhatian dan kumpulan berfokus untuk mendapatkan pandangan awal tentang status pelaksanaan Mata Pelajaran Wajib (MPW). Melalui hasil kajian, satu struktur MPW yang baharu telah diperkenalkan yang dikenali sebagai Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Seterusnya, perbincangan dua hala telah diadakan dengan pelbagai pihak seperti pelajar, badan profesional, pemilik IPTS dan IPTA serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Hasil perbincangan dengan pelbagai pihak tersebut, MPU telah dipersetujui untuk dilaksanakan di IPTS dan IPTA.

MPU adalah salah satu strategi serta inisiatif yang dirancangkan bagi tujuan di dalam Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) telah menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar.

Bagi mencapai aspirasi Lonjakan 1, graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Justeru itu, Kementerian ini amat memeringkatkan penerapan nilai moral, jati diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia. Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Semua ini akan menyumbang secara aktif kepada masyarakat Malaysia dan arena global (Garis Panduan MPU Edisi Kedua, 2016).

Secara umumnya kursus-kursus umum universiti yang tergolong dalam kelompok bidang pengajian umum menekankan kepada pengetahuan am yang terkini dan kemahiran yang relevan kepada pembentukan mahasiswa yang seimbang dan harmonis dari segi kognitif, afektif, jasmani dan rohani (Abdul Latif, 2000) dan secara khususnya penawarannya diharap dapat membantu melahirkan generasi mahasiswa yang mahir dalam kerjaya, pada masa yang sama juga memahami dan menghayati aspirasi negara (Lembaga Akreditasi Negara, 1998).

Walaupun begitu rencam objektif, misi dan visi penawaran kursus-kursus bertaraf umum di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia, namun matlamat akhir kursus-kursus ini boleh disimpulkan menjurus kepada dua matlamat penting iaitu pembinaan negara bangsa ‘nation building’ dan pembinaan kemahiran umum ‘generic skills building’. Menurut Abdul Rahman (2007), pembinaan negara bangsa yang mempunyai rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut adalah cabaran pertama daripada sembilan cabaran yang harus ditangani untuk Malaysia mencapai taraf negara maju menurut Wawasan 2020.

Manakala Wan Mohd Nor (2001) menyarankan kurikulum-kurikulum wajib bersifat agama, akhlak dan moral dan ketamadunan tidak wajar dipinggirkan dalam pengajian peringkat tinggi kerana ahli-ahli politik, usahawan, pendidik, birokrat tidak boleh tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bidang ini. Tambah beliau, Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah mengutarakan bahawa kesatuan sesuatu negara khususnya negara berbilang agama dan bangsa berasaskan kepada empat perkara iaitu agama, bangsa, sejarah politik dan bahasa. Melalui perkara-perkara inilah menurut al-Attas, kekuatan negara dapat dibangunkan. Menurut Najeemah (2007) nilai-nilai kemasyarakatan, keagamaan dan kewarganegaraan dalam pengajaran serta pembelajaran adalah untuk mengembangkan domain afektif pelajar demi mewujudkan kesepadan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian untuk artikel ini untuk melihat impak pelaksanaan MPU kelompok U1 khususnya subjek Pengajian Malaysia 2 untuk peringkat pengajian tahap diploma dan Hubungan Etnik serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) untuk peringkat pengajian tahap ijazah sarjana muda.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan mengedarkan borang soal selidik terhadap para pelajar yang mengikuti subjek Pengajian Malaysia 2, Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS).

Konsep Mata Pelajaran Umum (MPU)

Perancangan akademik masa kini mengusulkan supaya pengajian umum diperluaskan meliputi aspek-aspek penataran ilmu seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Hal ini termasuklah pendedahan kepada bidang-bidang baharu seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Penekanan kepada perluasan pengajian umum ini pada prinsipnya adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikiran luas, seimbang dan holistik.

Maka, pengajian umum bermaksud program pendidikan pra-siswazah yang bertujuan membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian.

Pelajar IPT memerlukan beberapa keterampilan yang membolehkannya mengambil bahagian secara berkesan dalam masyarakat. Pengajian umum bertujuan menyediakan pelajar dengan keterampilan yang tertentu. Di samping memperoleh pendedahan kepada ciri-ciri keterampilan intelektual, kursus pengajian umum juga menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar. Justeru, tujuan MPU diperkenalkan ialah;

- 1) Penyelarasan Mata Pelajaran Wajib kepada Mata Pelajaran Pengajian Umum di IPT
- 2) Pembinaan Negara Bangsa
- 3) Penguasaan dan Perluasan Kemahiran Insaniah
- 4) Pengukuhan dan Perluasan Pengetahuan di Malaysia
- 5) Pengaplikasian Kemahiran Insaniah

Berdasarkan tujuan tersebut, maka Mata Pelajaran Pengajian Umum telah dibahagikan kepada empat kelompok iaitu;

- 1) U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah
- 2) U2: penguasaan kemahiran insaniah
- 3) U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia
- 4) U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum

Struktur MPU dilaksanakan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1, U2, U3 dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Namun, pelaksanaan MPU diberikan pengecualian kepada program-program seperti berikut;

- 1) Program peringkat sarjana dan kedoktoran
- 2) Kursus jangka pendek
- 3) *Non terminating programme* seperti matrikulasi

4) Sijil Asas (Foundation) kecuali Sijil Asas bagi persediaan ke luar negara

Kejayaan membangunkan modal insan yang berkualiti dan berminda kelas pertama pastinya akan dapat menyelesaikan isu pendidikan tinggi yang agak serius juga kebelakangan ini iaitu isu siswazah menganggur. Antara faktor penyebab adalah kegagalan graduan memenuhi ciri-ciri graduan yang menjadi pilihan majikan. Antara ciri-ciri yang dikehendaki majikan termasuklah mempunyai sikap maju dan berdaya saing, berketerampilan dan berpersonaliti unggul, mempunyai kemahiran berkomunikasi, bersikap positif dan bersemangat tinggi, beretika dan mempunyai integriti tinggi, mempunyai kemahiran sampingan, mempunyai kualiti intelektual dan memanfaatkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Nik Mustapha, 2007). Tajul Ariffin (2006) juga telah menyenaraikan beberapa punca siswazah menganggur antaranya adalah lemah sahsiah diri, tiada hala tuju yang jelas, tiada keterampilan, kurang keyakinan diri, lemah keupayaan berfikir, lemah kemahiran komunikasi dan kurang initiatif.

Impak Mata Pelajaran Utama Dari Kaca Mata Kuis

Topik perbincangan yang lebih khusus ialah kepada mata pelajaran Pengajian Malaysia 2, Hubungan Etnik dan Tamadun Islan & Tamadun Asia (TITAS). Ketiga-tiga mata pelajaran ini tergolong dalam kelompok MPU U1. Tema MPU U1 ialah penghayatan falsafah, nilai dan sejarah. Kumpulan kursus U1 akan menjadi dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk dilaksanakan di semua IPTS. Malah IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan MPU di institusi masing-masing. Penawaran kursus MPU adalah dikuatkuasakan pada 01 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baru di semua IPT.

Untuk melihat impak ketiga-tiga mata pelajaran tersebut, satu tinjauan awal dalam kalangan pelajar KUIS dilakukan. Fokus diberikan kepada para pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut. Satu set soalan soal selidik yang ringkas digunakan untuk mendapat gambaran awal.

Seramai 90 orang pelajar diambil sebagai responden untuk menjawab soalan soal selidik dari pelbagai fakulti. 30 orang responden untuk Pengajian Malaysia 2, 30 orang responden untuk Hubungan Etnik dan 30 orang lagi untuk TITAS. Pemilihan seramai 90 orang ini sebagai sampel kajian kerana dianggap kebolehpercayaan dalam tinjauan awal.

Antara aspek yang dilihat dalam tinjauan awal kepada ketiga-tiga mata pelajaran ini ialah;

Bil	Aspek Penilaian
1	Jenis dan kaedah penilaian kursus adalah bersesuaian (tugasan/ujian/amali/peperiksaan akhir/dll).
2	Perancangan dan penyediaan kursus ini adalah baik.
3	Tenaga pengajar berpengetahuan yang mendalam tentang kursus.
4	Tenaga pengajar mempunyai kemahiran dalam penyampaian kandungan kursus.
5	Tenaga pengajar menggunakan contoh-contoh yang relevan.
6	Tenaga pengajar merangsang minat pelajar dalam kursus berkenaan melalui kreativiti/inovasi.
7	Tenaga pengajar berinteraksi dengan pelajar dan bersedia membantu pelajar.
8	Tenaga pengajar menggunakan bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian.

Soalan soalan selidik adalah berdasarkan Skala Likert Lima Mata seperti berikut:

Sangat Bersetuju	Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Kurang Pasti	Bersetuju	Sangat Bersetuju
1	2	3	4	5	

DAPATAN TINJAUAN AWAL


Pengajian Malaysia 2

Kursus ini menghuraikan tentang proses pembinaan negara bangsa dan semangat patriotik dalam menghadapi cabaran pembangunan. Objektif mata pelajaran ini ialah untuk melahirkan pelajar yang memahami peranannya dalam proses pembinaan negara bangsa dan bersemangat patriotik dalam menghadapi cabaran pembangunan. Kursus ini diikuti oleh pelajar pada peringkat Diploma bagi pelajar tempatan dengan menggunakan bahasa Melayu.

Berdasarkan pengalaman dan pengamalan di KUIS, terdapat perbezaan pecahan pemarkahan antara MPW dengan MPU. Jika dahulu pada MPW, 50 markah diperuntukkan untuk kerja kursus dan 50 markah lagi adalah untuk peperiksaan akhir. Pecahan markah kerja kursus adalah kepada 20 markah untuk peperiksaan pertengahan semester, 10 markah untuk pembentangan kumpulan dan 20 markah lagi adalah untuk kertas kerja berkumpulan. Kini, pengamalan tersebut telah berbeza dengan MPU sekarang ini. Sebanyak 70 markah diperuntukkan untuk markah kerja kursus dan 30 markah lagi untuk peperiksaan. Pecahan kepada 70 markah itu terdiri daripada kertas kerja (15 markah), pembentangan (10 markah), ulasan artikel (10 markah), video kreatif (20 markah) dan folio kreatif (15 markah). Manakala 30 markah lagi untuk peperiksaan akhir.


Berdasarkan hasil yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan dalam kalangan pelajar diploma yang mengambil mata pelajaran Pengajian Malaysia 2, boleh dilihat melalui carta di bawah ini berdasarkan pecahan responden dan jawapan kepada isi soalan soal selidik yang digunakan tersebut.

Carta 1: Pecahan Responden mengikut Fakulti




Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 pelajar KUIS dan 15 orang adalah mewakili pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), 8 orang dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM), manakala daripada Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) adalah seramai 7 orang.

Soalan 1: Jenis dan kaedah penilaian kursus adalah bersesuaian.




Berdasarkan soalan 1, carta bar menunjukkan, 5 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 2 orang memilih bersetuju dan 6 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 6 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar bersetuju dengan kaedah penilaian yang digunakan dalam mata pelajaran Pengajian Malaysia 2.

Soalan 2: Perancangan dan penyediaan kursus ini adalah baik.




Merujuk kepada soalan 2 pula, carta bar menunjukkan, 7 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 8 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 3 orang memilih bersetuju dan 5 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 3 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 4 orang adalah sangat bersetuju. Tiada sesiapa pun memilih untuk tidak bersetuju. Ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar selesa dengan penyediaan dan perancangan yang telah dibuat untuk Pengajian Malaysia 2.

Soalan 3: Tenaga pengajar berpengetahuan yang mendalam tentang kursus.



Hasil yang diperolehi kepada soalan 3 pula, carta bar menunjukkan, 5 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), memilih bersetuju dan 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 5 orang memilih bersetuju dan 3 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 3 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 4 orang adalah sangat bersetuju. Tiada sesiapa pun memilih untuk tidak bersetuju. Ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar bersetuju dengan keupayaan data, maklumat dan tunjuk ajar tenaga pengajar.

Soalan 5: Tenaga pengajar menggunakan contoh-contoh yang relevan dan terkini.



Berdasarkan soalan 5, carta bar menunjukkan, 5 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 4 orang memilih bersetuju dan 4 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 3 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 4 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar bersetuju dengan tenaga pengajar telah menggunakan contoh-contoh yang relevan dan terkini bagi kelas pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini boleh berlaku kerana sebahagian besar tenaga pengajar Pengajian Malaysia 2 mempunyai pengalaman yang luas dan lama dalam mengajar subjek ini. Pengajian Malaysia telah menjadi mata pelajaran wajib di KUIS mencecah 15 tahun. Pengalaman tersebut sangat membantu tenaga pengajar untuk mewujudkan persekitaran belajar yang interaktif dan kondusif. Terdapat juga meluahkan perasaan selesa dan seronok mereka ketika mengikuti mata pelajaran ini jika dibandingkan dengan minat mereka ketika belajar subjek sejarah di sekolah yang dirasai oleh mereka lebih membosankan. Perbandingan suasana itu dirujuk kepada kaedah pengajaran yang berbeza dan sudah pasti akan menghasilkan reaksi yang berbeza.


Hubungan Etnik

Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang hubungan etnik di Malaysia yang merupakan proses hubungan sosial yang dinamik. Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pemahaman para pelajar tentang konsep kesepadan sosial dalam pelbagai elemen penting kehidupan seperti pembangunan politik, ekonomi, sumbangsih kerajaan dan masyarakat.

Mata pelajaran ini merupakan kursus yang ditawarkan kepada pelajar di KUIS mulai semester II sesi 2013/2014. Kesemua pelajar yang mengikuti kursus ini ialah dalam kalangan etnik Melayu. Penilaian yang digunakan dalam Hubungan Etnik adalah berdasarkan aspirasi KUIS yang sedang mengalami transformasi dan menekankan kepada pembangunan kendiri pelajar dalam menguasai ilmu dan yang lebih penting lagi adalah berkebolehan untuk mengaplikasikan ilmu berkenaan dalam kehidupan harian mereka. Senario ini berbeza berbandingkan kaedah penilaian dahulu, dalam pelbagai mata pelajaran yang lebih menfokuskan penilaian peperiksaan. Pembahagian markah adalah 70% diperuntukkan kepada kerja kursus dan bakinya 30% adalah untuk peperiksaan, yakni sama dengan penilaian yang digunakan dalam MPU Pengajian Malaysia.


Berikut di bawah adalah hasil yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik, boleh dilihat melalui carta di bawah ini berdasarkan pecahan responden dan jawapan kepada soalan soal selidik yang telah digunakan.

Carta 2: Pecahan Pelajar mengikut Fakulti



Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 pelajar KUIS dan 11 orang adalah mewakili pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), 10 orang dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM), manakala daripada Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) adalah seramai 9 orang. Pelajar dari FPPI adalah yang teramai sekali dari jumlah keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda KUIS semester ini.


Soalan 1: Jenis dan kaedah penilaian kursus adalah bersesuaian.



Berdasarkan soalan 1, carta bar menunjukkan, 4 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 7 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 2 orang memilih bersetuju dan 8 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 2 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 7 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini


menunjukkan kesemua pelajar bersetuju dengan kaedah penilaian yang digunakan dalam mata pelajaran Hubungan Etnik.

Soalan 2: Perancangan dan penyediaan kursus ini adalah baik.



Berdasarkan soalan 2, carta bar menunjukkan, tiada pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju sebaliknya semua iaitu 11 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 1 orang memilih bersetuju dan 9 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 8 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa perancangan dan penyediaan mata pelajaran Hubungan Etnik adalah baik.

Soalan 3: Tenaga pengajar berpengetahuan yang mendalam tentang kursus.




Merujuk soalan 2, carta bar mendapati terdapat 1 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan bakinya iaitu 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, tiada yang memilih

bersetuju dan ini bermakna semua pelajar seramai 10 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 8 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa tenaga pengajar berkemampuan dan layak untuk mengajar mata pelajaran ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang selesa.


Walaupun telah dimaklumkan sebelum ini bahawa Hubungan Etnik merupakan mata pelajaran baharu di KUIS, namun dalam menyambut arahan semasa dari KPT dan mengukur kemampuan tenaga pengajar KUIS sendiri, maka beberapa persediaan serius telah dibuat untuk menerima dan mengajar Hubungan Etnik. Antaranya para pengajar telah berbengkel dengan beberapa pakar rujuk dari UKM, juga menyediakan ‘power point’ terlebih awal sebelum kemasukan para pelajar dan kelebihan besar yang lain adalah ada dalam kalangan pengajar mata pelajaran ini telah mengajar subjek ini di luar KUIS untuk tempoh masa yang lama. Ini bermakna pengalaman beliau telah membantu rakan pengajar yang lain untuk bersiap sedia.

Soalan 6: Tenaga pengajar merangsang minat pelajar dalam kursus berkenaan melalui kreativiti dan inovasi.



Dengan merujuk kepada soalan 6, carta bar menunjukkan, tiada pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju sebaliknya semua iaitu 11 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 0 orang memilih bersetuju dan ini bermakna semua 10 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 8 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa tenaga pengajar merangsang minat pelajar. Ini adalah kerana kami para pengajar telah menyiapkan rancangan pengajaran Hubungan Etnik untuk satu semester. Maksudnya, para pelajar sentiasa mempunyai ruang untuk berurus dengan tenaga pengajar dan mempunyai masa yang cukup untuk menyiapkan kerja yang ditugaskan. Kesemua suasana ini memberikan kelebihan kepada para pelajar dan tenaga pengajar.

Soalan 8: Tenaga pengajar menggunakan bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian.



Berdasarkan soalan 8, carta bar menunjukkan terdapat 1 orang pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 1 orang memilih bersetuju dan 9 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 2 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 7 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa tenaga pengajar menggunakan bahan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang baik. Hal ini adalah kerana setiap pelajar diminta untuk memiliki modul wajib Hubungan Etnik dan sangat digalakkan untuk membeli rujukan tambahan yang disarankan oleh tenaga pengajar. Selain itu juga tenaga pengajar meminta para pelajar melalui kumpulan masing-masing menyediakan peta minda Hubungan Etnik untuk dijadikan nota bacaan mereka. Kesemua peta minda tersebut disusun mengikut bab dan disimpan dalam satu folder yang kemudian diedarkan pada semua pelajar.

Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (Titas)


Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun Melayu, Cina dan India, Islam dalam Tamadun Melayu, isu-isu kontemporari Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Islam Hadhari dan proses pembangunan negara. Objektif mata pelajaran ialah untuk memperkenalkan kepada para pelajar ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan di samping melahirkan pelajar yang mempunyai sikap hormat menghormati, mengamalkan nilai-nilai murni dan mempunyai jati diri sebagai warganegara. Mata pelajaran TITAS adalah penting dari segi praktikal kepada masyarakat Malaysia untuk hidup bersama kerana Tamadun Malaysia adalah didirikan oleh pelbagai tamadun.

Mata pelajaran ini juga merupakan kursus seperti Hubungan Etnik yang diajar di KUIS dan mulai ditawarkan kepada pelajar semester II sesi 2013/2014. Kesemua pelajar yang mengikuti kursus ini juga ialah dalam kalangan etnik Melayu. Penilaian yang digunakan dalam TITAS adalah serupa dengan Hubungan Etnik. KUIS yang sedang mengalami transformasi amat menekankan kepada pembangunan kendiri pelajar dalam menguasai ilmu dan yang lebih penting lagi adalah berkebolehan untuk mengaplikasikan ilmu berkenaan dalam kehidupan harian mereka. Pembahagian markah adalah 70% diperuntukkan kepada kerja kursus dan

bakinya 30% adalah untuk peperiksaan, yakni sama dengan penilaian yang digunakan dalam MPU Hubungan Etnik.


Berikut di bawah adalah hasil yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik, boleh dilihat melalui carta di bawah ini berdasarkan pecahan responden dan jawapan kepada soalan soal selidik yang telah digunakan.

Carta 3: Pembahagian Pelajar mengikut Fakulti




Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 pelajar KUIS dan 12 orang adalah mewakili pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), 9 orang dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM), manakala daripada Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) adalah seramai 9 orang. Pelajar dari FPPI adalah yang teramai sekali dari jumlah keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda KUIS semester ini.

Soalan 2: Perancangan dan penyediaan kursus ini adalah baik.




Berdasarkan soalan 2, carta bar menunjukkan, 2 pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan 10 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 2 orang memilih bersetuju dan 7 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 2 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 7 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa perancangan dan penyediaan mata pelajaran TITAS adalah baik. Walaupun mata pelajaran ini baru untuk KUIS, namun persediaan rapi telah dibuat untuk proses pengajaran dan pembelajaran TITAS seperti Hubungan Etnik oleh para tenaga pengajar.

Soalan 4: Tenaga pengajar mempunyai kemahiran dalam penyampaian kandungan kursus.



Berdasarkan soalan 4, carta bar menunjukkan, tiada pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan semua pelajar seramai 12 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 1 orang memilih bersetuju dan 8 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 8 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa tenaga pengajar mempunyai kemahiran dalam penyampaian mata pelajaran TITAS. Sebagai tenaga pengajar, persediaan yang rapi sangat perlu untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran boleh berlangsung dengan baik. Pengajar yang cemerlang boleh mewujudkan suasana belajar yang kondusif dan interaktif di kalangan pelajar untuk minat, suka dan ingin tahu. Ini adalah kerana TITAS bukan sekadar mata pelajaran tetapi juga merupakan kehidupan kita kerana dinamika tamadun adalah relevan dan sentiasa hidup.\

Soalan 7: Tenaga pengajar berinteraksi dengan pelajar dan bersedia membantu pelajar.



Dengan merujuk kepada soalan 7, carta bar menunjukkan, 1 pelajar dari Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) memilih bersetuju dan bakinya iaitu 11 orang memilih sangat bersetuju. Dari Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM) pula, 0 orang memilih bersetuju dan ini bermakna semua 9 orang memilih sangat bersetuju manakala Fakulti Pengurusan & Muamalah (FPM) menunjukkan 1 orang adalah bersetuju dan bakinya iaitu 8 orang adalah sangat bersetuju. Tiada seorang pun yang memilih kurang pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Daripada dapatan yang diperolehi, ini menunjukkan kesemua pelajar sangat bersetuju bahawa tenaga pengajar berinteraksi dengan pelajar dan bersedia membantu pelajar. Ini adalah kerana kami para pengajar telah menyiapkan rancangan pengajaran TITAS untuk satu semester. Maksudnya, para pelajar sentiasa mempunyai ruang untuk berurus dengan tenaga pengajar dan mempunyai masa yang cukup untuk menyiapkan kerja yang ditugaskan. Kesemua suasana ini memberikan kelebihan kepada para pelajar dan tenaga pengajar.

Impak Penawaran MPU

Seperti yang kita maklum, Pengajian Malaysia atau Kenegaraan adalah kursus wajib untuk semua pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), manakala di IPTA agak berbeza sedikit. IPTA diwajibkan mengambil Hubungan Etnik dan subjek Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS). Berbeza dengan KUIS yang menawarkan ketiga-tiga subjek berikut di peringkat diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

MPU boleh diadunkan mengikut kesesuaian sesebuah universiti dengan mengambil kira roh subjek tersebut. Kursus ini dikawal selia Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang mana skop dan sukanan pelajaran adalah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh MQA. Subjek MPU ini amat penting dalam untuk melahirkan rakyat yang patriotik, taat setia dan cintakan negara.

Seperi pengamalan di KUIS, kerelevan penawaran subjek MPU ini amat memberi impak yang besar kepada semua pelajar yang majoritinya beretnik Melayu. Dalam kajian di atas kita boleh merujuk dari aspek persekitaran yang tertumpu kepada sikap pelajar (minat, kehadiran, perlaksanaan tugas), kemudahan fizikal (keadaan dan kesesuaian bilik kuliah,

kemudahan membuat penilaian, alat bantu mengajar) dan keupayaan tenaga pengajar (pengetahuan dan kemahiran/kreativiti mengajar yang mendalam).

Dari semasa ke semasa timbul berbagai rungutan dan masalah dalam kalangan tenaga pengajar MPU yang berhadapan dengan sikap pelajar seperti tidak hadir kuliah, kurang minat terhadap kursus dan tidak menjalankan tugas yang telah diberi. Begitu juga dengan kesesuaian jadual waktu serta tempat kuliah dan tutorial yang diberikan oleh fakulti masing-masing seperti ruang, kebersihan, susun atur meja dan kerusi dan kesesuaian bilik kuliah bagi menampung bilangan pelajar yang ramai, serta kemudahan untuk mengadakan ujian dan penilaian. Tenaga pengajar juga merasakan bahawa pihak fakulti kurang memberi keutamaan terhadap PdP bagi MPU ini di KUIS berbanding dengan subjek-subjek yang lain.

Kajian ini dirasakan penting kerana tenaga pengajar yang terlibat akan memberi perkhidmatan pengajaran ke seluruh fakulti di KUIS kerana MPU ditawarkan kepada semua pelajar di semua fakulti.

Penyemaian sikap patriotisme juga memberi sumbangan yang besar dalam pengamalan MPU di KUIS. Dalam konteks ini, sekiranya para pelajar belajar dengan penuh penghayatan dan minat terhadap subjek-subjek sebegini, sudah pasti mereka akan menyedari akan kepentingan konsep persefahaman dan penyatuan yang mesti ada dalam jiwa mereka sebagai masyarakat Malaysia. Secara ideal, warganegara yang telah menjiwai nilai-nilai patriotisme serta mempraktikkannya akan dapat menyumbang untuk memacu kemajuan negara kerana mempunyai hala tuju yang jelas dan bersifat objektif. Justeru itu, mereka pasti lebih nekad dan bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi dan pada masa yang sama berbakti kepada negara. Penawaran subjek MPU kategori 1 berupaya membantu graduan-graduan lulusan KUIS lebih ramai menjadi tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat dan membangun serta mengembangkan ilmu pengetahuan Islam.

Kursus ini juga dipertanggungjawab untuk menghasilkan graduan KUIS yang bertanggungjawab kepada agama, masyarakat dan negara. Para pelajar yang mengambil subjek ini juga membawa misi untuk melahirkan graduan yang berperibadi mulia, peka terhadap perkembangan dan keperluan nasional, global serta bertanggungjawab kepada profesi masing-masing untuk kebaikan masyarakat setempat dan sejagat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menjawab relevannya penawaran MPU yang dahulunya berstatus MPW di KUIS. Kursus ini memberi impak yang amat besar kepada para pelajar yang mengambilnya. Beberapa cadangan boleh diketengahkan untuk dijalankan di KUIS seperti berikut;

- 1) Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan mata pelajaran umum menerusi ceramah umum berkala untuk semua pelajar yang disampaikan oleh tokoh utama dalam bidang berkaitan.
- 2) Mempelbagaikan kaedah PdP dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi yang berkaitan.
- 3) Menyediakan ruang dalam PdP bagi melaksanakan khidmat masyarakat supaya pelajar didedahkan dengan kehidupan sebenar masyarakat di luar.
- 4) Menaik taraf semua dewan kuliah utama dan bilik-bilik tutorial di semua fakulti kepada ‘Smart Classroom’.

Selain itu, golongan tenaga pengajar terlebih dahulu mestilah mempunyai minat, semangat, motivasi serta kreativiti yang tinggi bagi menarik minat pelajar untuk menjiwai kursus sebegini selain mempunyai silibus dan latihan terkini daripada semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Abdul Latif Samian. (2000). Hala Tuju Pengajian Umum di Alaf Baru. Dlm Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron (pnyt.). *Pengajian Umum Di Alaf Baru*, hlm. 1-12. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Zahari. (1992). *Psikologi Pendidikan Untuk Guru*, Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran Sdn Bhd.
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (1998). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Azita Aminudin. (1995). *Sosialisasi Politik: Nasionalisme-Patriotisme dan Kesedaran Politik di Kalangan Mahasiswa di Fakulti Sastera dan Sains Sosial*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
- Garis Panduan MataPelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. (2016). Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- <http://www.mqa.gov.my/> [3 Jan 2013]
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. Malaysia:Putrajaya.
- Lembaga Akreditasi Negara. (1998). *Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan Mata Pelajaran Wajib Institusi Pengajian Tinggi Swasta*.
- Nik Mustafa R. Abdullah. (2007). *Institusi Pengajian Tinggi Penjana Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Monograf Isu Semasa dalam Pendidikan Tinggi. Serdang: Pusat Pembangunan Akademik Universiti Putra Malaysia
- Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing & Saedah Siraj. (1998). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2001). *Pembangunan di Malaysia: ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.

MAKLUMAT PENULIS

NOR AZLINA ENDUT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norazlina@kuis.edu.my

ROHAINI AMIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
rohaini@kuis.edu.my

AYU NOR AZILAH MOHAMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
ayunorazilah@kuis.edu.my

HAIROL ANUAR MAK DIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
hairolanuar@kuis.edu.my.